



Raja Kechil

Raja Kechil menyerang Johor pada tahun 1717 kerana menuntut takhta kerajaan Johor. Baginda mendakwa dirinya sebagai putera Sultan Mahmud Shah II. Pada 21 Mac 1718, Raja Kechil mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor dengan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahamat Shah. Baginda mendapat bantuan orang Minangkabau dan Orang Laut. Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV telah meminta bantuan Upu Bugis lima bersaudara untuk mengusir Raja Kechil.. Menurut perjanjian antara Raja Sulaiman dengan Bugis lima bersaudara ialah sekiranya Raja Kechil dapat dikalahkan, maka orang Bugis akan diberi jawatan Yamtuan Muda dalam pemerintahan kerajaan Johor. Raja Kechik dapat dikalahkan pada 4 Oktober 1722M.